



LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA
MALAYSIAN PINEAPPLE INDUSTRY BOARD
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Malaysia
Ministry Of Agriculture And Agro Based Industry Malaysia
Wisma Nanas,
No. 5, Jalan Padi Mahsuri,
Bandar Baru Uda,
81200 JOHOR BAHRU,
JOHOR, MALAYSIA



Tel. : 07-2361211/012
07-2351587
Faks : 07-2365694/5451
Email : umum@mpib.gov.my
Portal Rasmi : <http://www.mpib.gov.my>

TALKING POINT
YB TUAN SIM TZE TZIN
TIMBALAN MENTERI PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI

PROGRAM TAKLIMAT PELUANG USAHAWAN PERTANIAN DIBAWAH
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI

TH HOTEL, BAYAN LEPAS PULAU PINANG
18 JANUARI 2020

1. Selamat petang dan salam sejahtera kepada semua yang hadir ke Program Taklimat Peluang Usahawan Pertanian di bawah Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
2. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang sudi hadir pada majlis petang ini terutamanya para peserta taklimat yang ingin mendengar dan mengetahui peluang-peluang di bawah MOA
3. Tahniah kepada pihak Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) terutamanya pada Pengerusinya, YBhg. Dato' Abdul Malik Abul Kassim yang mana atas inisiatifnya dapat menganjurkan program taklimat seperti ini bagi rakyat mengetahui apa yang ada di MOA serta agensi-agensi di bawahnya
4. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Jabatan dan Agensi terlibat yang turut bersama membantu dalam menjayakan program pada petang ini.
5. Sesi taklimat pada hari ini akan melibatkan contoh kejayaan *success story* oleh usahawan yang berjaya, taklimat Program Bantuan Tanaman Nanas, taklimat berkenaan Program Industri Asas Tani, Program Agropreneur Muda serta Program Rezeki Tani
6. Sememangnya Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (MOA) merupakan kementerian yang mendasari rakyat, dekat dengan rakyat, bukan sahaja membantu para petani, peladang, penternak dan nelayan sedia ada, malah membuka ruang dan peluang orang ramai untuk terlibat dalam bidang pertanian
7. MOA sentiasa diberi perhatian oleh pihak Kerajaan dimana bagi tahun 2020 ini, bajet yang diterima oleh MOA adalah sebanyak RM4.9 bilion, meningkat 10.9% berbanding RM4.4 bilion bagi tahun 2018.

8. Ini menunjukkan keperihatinan kerajaan bukan sahaja mengenai keluh kesah golongan petani, tetapi juga peluang-peluang yang terbuka luas di dalam sektor pertanian.
9. Negara mengimport produk pertanian dari luar sebanyak RM50 bilion setahun untuk pasaran dan keperluan negara kita seperti produk daging, tenusu, sayur-sayuran dan buah-buahan, sedangkan keperluan ini boleh dijana di dalam negara kita sendiri.
10. Inilah ruang dan peluang yang boleh direbut oleh masyarakat kita terutamanya agroropreneur muda yang mencari pekerjaan dan pendapatan.
11. Begitu juga dengan pasaran eksport pertanian seperti nanas MD2 dan durian Musang King yang kini merupakan produk *hot* untuk dieksport dan mendapat permintaan yang sangat tinggi di negara China
12. China memerlukan sebanyak 1.6 juta metrik tan buah nanas tetapi sehingga 2019, Malaysia hanya mampu mengeksport sebanyak 800 metrik tan sahaja.
13. Saya juga telah melancarkan penghantaran buah nanas menggunakan pesawat kargo yang pertama pada bulan November 2019 yang lalu di KLIA di mana sebelum ini, eksport buah nanas adalah menggunakan kapal laut.
14. Ini menunjukkan bahawa permintaan negara-negara luar terhadap produk pertanian kita sebenarnya begitu tinggi sehinggakan proses penghantaran juga memerlukan kecepatan masa.
15. MOA telah mengariskan 5 Halatuju "Priority dan Strategy" 2019-2020 bagi industri pertanian negara terutamanya bagi manfaat golongan petani, penternak dan nelayan. 5 halatuju tersebut adalah:
 - Memoden dan meningkatkan pengeluaran pertanian bagi menjamin kestabilan bekalan serta harga makanan negara dengan memberikan penekanan dalam subsektor padi, ruminan dan perikanan
 - Merancang pembabit pelaburan swasta dalam pertanian secara komersial serta meningkatkan dagangan eksport pertanian.
 - Menjadikan pertanian sebagai satu sumber pendapatan yang mampan dan kukuh serta menguntungkan untuk petani, penternak, nelayan dan agropreneur muda.
 - Menambah baik ekosistem industri pertanian untuk menyokong pemodenan pertanian, pelaburan sektor swasta dan kegiatan pengembangan untuk petani, penternak dan nelayan.
 - Memperkukuh struktur organisasi jabatan dan agensi di bawah kementerian untuk menambah baik sistem penyampaian serta tadbir urus.

16. Dengan sokongan daripada semua pihak terutamanya agensi-agensi dibawah MOA, halatuju ini akan kita pastikan dapat memberi manafaat terhadap golongan sasar bagi agenda pembangunan pertanian negara yang jitu dan mampan.
17. MOA juga terkenal dengan program-program bantuan rakyat dan kita sekarang sedang memberi penumpuan kepada program bantuan Rezeki Tani di mana program ini akan dapat membantu golongan miskin daripada senarai e-kasih untuk keluar dari kepompong kemiskinan dengan cara melibatkan diri dalam bidang pertanian dan industri asas tani.
18. Inilah usaha-usaha yang sedang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam membantu rakyat mendapat taraf kehidupan yang lebih baik
19. Saya mendoakan supaya program pada petang ini akan dapat mencapai matlamatnya sekaligus memberi manafaat kepada peserta yang hadir pada hari ini yang terdiri daripada golongan orang-orang muda, pelajar IPT, peserta e-kasih, pekebun, pengusaha IAT serta orang awam yang berminat menceburi bidang pertanian.
20. Akhir kata saya ucapkan tahniah sekali lagi kepada pihak LPNM dalam penganjuran program dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Program Taklimat Peluang Usahawan Pertanian dibawah Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani pada hari ini.

#####

***Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:
Elmie Adha Ismail
Ketua Unit Komunikasi Korporat
Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia
013-3009075***